

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : NASIONAL

Nabak Influenza A

SK Stella Maris sekolah pertama tutup di Sabah

Notis maklumkan penutupan sehingga 28 Januari untuk pencegahan

Oleh Juwan Riduan dan Noor Atiqah Sulaiman
jnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Sekolah Kebangsaan (SK) Stella Maris, Tanjung Aru, di sini, menjadi sekolah pertama di Sabah ditutup berikutan wabak Influenza A (H1N1).

Tinjauan mendapati sekolah itu menampal surat bagi memaklumkan ia mula ditutup mulai hari ini hingga 28 Januari ini. Satu notis Perintah Tutup Premis yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan juga kini tular di media sosial.

Dalam pada itu, Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, Datuk Frankie Poon Ming Fung ketika ditemui mengesahkan penutupan sekolah berkenaan.

"Penutupan sekolah berkenaan adalah perkara formal untuk memastikan langkah pencegahan dapat dilakukan," katanya.

Isnin lalu, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah merekodkan 12 murid sekolah rendah dikesan dijangkiti wabak H1N1.

Sementara itu, di Sepang, 267,054 penumpang, termasuk kru penerbangan disaring melalui kaunter imbasan terma di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata penumpang berkenaan daripada



Ibu bapa membawa murid pulang selepas Kementerian mengeluarkan notis perintah tutup terhadap SK Stella Maris, Tanjung Aru, Kota Kinabalu, semalam.
(Foto Malai Rosmah Tuah/BH)

2,494 penerbangan yang tiba di KLIA antara 15 hingga 20 Januari lalu.

Katanya, daripada jumlah itu, 61 penumpang perlu menjalani saringan kedua kerana mempunyai suhu badan tinggi dan mempunyai tanda tidak sihat.

"Setiap penumpang melalui kaunter itu, kita akan saring dan sekiranya ada petanda tidak sihat, mereka akan diasingkan, manakala pegawai bertugas membawa penumpang berkenaan ke bilik saringan kedua bagi pengesanan status kesihatan.

"Selepas disaring, sekiranya tidak mempunyai petanda koronavirus atau penyakit lain, kita akan melepaskan mereka. Seki-

ranya ada, mereka akan dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk dikuarantin.

"Bagi 61 penumpang disaring untuk kali kedua itu, ternyata mereka hanya mempunyai suhu badan tinggi dan demam biasa serta tidak mempunyai petanda mengalami virus koronavirus (2019 n-CoV)," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke kaunter imbasan terma KLIA.

Dr Boon Chye berkata, kementerianya membuat saringan ketat selepas menerima laporan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai penularan wabak baharu yang dikenali sebagai 2019 n-CoV.

Pada perkembangan sama, Dr Boon Chye meminta rakyat Malaysia yang baru pulang dari China dan mengalami gejala seperti demam, selesema serta mempunyai tanda radang paru-paru dalam tempoh 14 hari untuk membuat pemeriksaan kesihatan di klinik berdekatan.

Sebelum ini, pihak berkuasa China melaporkan, wabak koronavirus bermula di Wuhan kini mula merebak ke wilayah lain termasuk Beijing dan Shanghai.

Pihak berkuasa mengesahkan sejumlah 217 kes baru virus itu di China dengan empat kematian dilaporkan. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 198 kes dilaporkan berlaku di Wuhan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

Kawalan ketat pintu masuk antarabangsa

Kuala Lumpur: Pasukan bertindak Malaysia yang ditempatkan di semua pintu masuk antarabangsa dan kemudahan kesihatan di seluruh negara terutama Pejabat Kesihatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kini dalam keadaan berjaga-jaga susulan berlakunya wabak koronavirus di Wuhan, China.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisyam Abdullah dalam laman Facebooknya berkata, alat imbasan haba dan pusat kuarantin kesihatan di terminal KLIA kini diletakkan pada pemantauan tahap tertinggi.

Beliau berkata, pelbagai unit kesihatan ditempatkan di lapangan terbang KLIA dan pintu masuk antarabangsa lain bagi me-

lindungi negara daripada pelbagai penyakit berjangkit lain daripada kawasan berisiko tinggi.

Media antarabangsa melaporkan 139 kes baharu berhubung dengan koronavirus dikesan

pada hujung minggu lalu

sejak virus itu dikesan

Di-
sem-
ber
2019
di Wu-
han.

Setakat ini,

tiga mangsa meninggal dunia di China, dengan dua kes dilaporkan di Thailand dan satu di Jepun. -Bernama

Sebanyak
139 kes
baharu
koronavirus
dikesan
pada hujung
minggu lalu

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2-3
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye showing a thermal scanner to screen travellers at the Kuala Lumpur International Airport, Sepang, yesterday.
 BERNAMA PIX



SARS-LIKE VIRUS

LIAISING WITH WHO TO TACKLE WUHAN VIRUS

Health Ministry to announce extra measures on preventing outbreak, says deputy minister

AZURA ABAS
 AND ADIB POVERA
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

ALL eyes will be on the World Health Organisation's (WHO) emergency meeting with Chinese authorities today, which will determine the next steps to be taken to tackle the outbreak of a deadly mysterious severe acute

respiratory syndrome (SARS)-like coronavirus.

The outbreak, believed to have originated in Wuhan, has, to date, claimed six lives and infected more than 200 others in China.

The Health Ministry said it would keep a close watch on the outcome of the meeting, which would determine the next course of action for the country.

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye said additional measures on preventing an outbreak in Malaysia would be announced soon.

He said the 2019-nCoV coronavirus had the potential to turn into a serious infection that might spread to other countries, including Malaysia, if necessary actions were not taken.

"The ministry is on high alert

and will announce additional measures as soon as possible.

"We have been screening travellers from Wuhan.

"The ministry is keeping track of the situation, including the sudden surge in cases in China.

"Some cases include places outside Wuhan and there are reports suggesting human-to-human transmission," he told the *New Straits Times*.

AFP reported that the WHO's meeting today would determine whether the outbreak constituted a "public health emergency of international concern" and if so, what should be done to manage it.

The agency has used the rare label only a handful of times, including during the H1N1 — or swine flu — pandemic of 2009 and the Ebola epidemic that dev-

astated parts of west Africa from 2014 to 2016.

The Chinese government announced on Tuesday it was classifying the outbreak in the same category as the SARS outbreak, meaning compulsory isolation for those diagnosed with the disease and the potential to implement quarantine measures on travel.

Should the WHO decide to take this step, it would put the Wuhan virus in the same category as serious epidemics.

Alarms have been raised over the 2019-nCoV's similarity to the SARS virus.

SARS caused more than 700 deaths in 37 countries in 2002 to 2003.

The 2019-nCoV had its first confirmed cases in Beijing and Shanghai on Monday, with more than a dozen others in southern Guangdong province.

Outside China, four confirmed cases of the Wuhan coronavirus were reported in Thailand, South Korea and Japan.

Australia's national broadcaster, ABC, reported that a man displaying SARS-like symptoms after visiting China had been quarantined, in what was suspected to be Australia's first case.

Dr Lee said health authorities detected 61 passengers with high body temperatures between Jan 15 and Jan 20 when they landed

at the Kuala Lumpur International Airport (KLIA).

"For the same period, we have screened 258,246 passengers and 8,808 crew members from 2,494 flights," Dr Lee said during a visit to KLIA yesterday.

On what parallels could be drawn with the SARS outbreak, he said the coronavirus also spread like the influenza virus via droplets from coughing and nasal secretions.

Dr Lee added that it was important to prevent patients with such infections from entering Malaysia.

He said he was made to understand that Chinese authorities were screening their travellers at exit points to curb the virus from spreading to other nations.

"We, on the other hand, are screening travellers at entry points.

"If travellers with symptoms are picked up, they will be quarantined and treated immediately."

On Monday, the Health Ministry announced that response teams at all international entry points and health facilities across Malaysia had been placed on high alert following the outbreak in China, with thermal scanners and health quarantine centres established. **Additional reporting by** *Katbana Perimbanayagam*